


Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah

Volume 22 No. 1 (2026)

ISSN: 1823-4356 | e-ISSN: 2637-0328

Homepage: <https://jmqs.usim.edu.my/>



- Title : **Thematic Criteria of Madanī Sūrah as a Framework for Classifying Madanī Hadith: A Qur'anic-Hadith Interdisciplinary Inquiry**
- Author (s) : Helimy Aris, Ahmad Sanusi Azmi, Amran Abdul Halim
- Affiliation (s) : Universiti Sains Islam Malaysia
- DOI : <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.623>
- History : Received: April 1, 2026; Revised: May 15, 2026; Accepted: June 1, 2026; Published: June 30, 2026.
- Citation : Helimy Aris, Ahmad Sanusi Azmi, & Amran Abdul Halim. Penggunaan Kriteria Tematik Surah Madanīyah Dalam Pengklasifikasian Hadith Madanī: Thematic Criteria of Madanī Sūrah as a Framework for Classifying Madanī Hadith: A Qur'anic-Hadith Interdisciplinary Inquiry. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 22(1), 145-166. <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.623>
- Copyright : © The Authors
- Licensing :  This article is open access and is distributed under the terms of [Creative Commons Attribution 4.0 International License](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)
- Conflict of Interest : Author(s) declared no conflict of interest

Penggunaan Kriteria Tematik Surah *Madaniyah* Dalam Pengklasifikasian Hadith *Madani*

Thematic Criteria of Madani Sūrahs as a Framework for Classifying Madani Hadith: A Qur'anic–Hadith Interdisciplinary Inquiry

Helimy Aris*

Ahmad Sanusi Azmi

Amran Abdul Halim

Faculty of Quranic and Sunnah Studies
Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Kriteria tematik surah adalah sebahagian daripada identiti umum surah al-Quran yang merangkumi aspek struktur, uslub dan tema. Ia juga adalah sebahagian daripada proses penjejakan *maqāṣid* (objektif umum) al-Quran. Terdapat perbezaan antara surah *makkīyah* dan *madaniyah* dalam beberapa aspek seperti struktur ayat, uslub dan tema. Ia sering dijadikan bukti sokongan dalam menentukan identiti sesuatu surah khususnya yang diperselisihkan adakah ia dalam kategori *makkīyah* atau *madaniyah*. Kriteria-kriteria ini diperolehi hasil daripada penelitian menyeluruh (induktif) dan kajian perbandingan antara surah-surah al-Quran. Namun, belum ada kajian yang mengaplikasikan kriteria-kriteria tersebut terhadap hadith Nabi. Mutakhir ini, terdapat beberapa kajian mengenai kewajaran pengumpulan hadith-hadith Nabi berdasarkan latar masa dan peristiwa atau disebut hadith *makkī* dan *madani*. Ia dilihat selaras dengan pengkategorian surah-surah al-Quran kepada *makkīyah* dan *madaniyah* selain memperkukuhkan lagi ilmu *Asbāb wurūd al-Ḥadith* yang telah sedia ada dalam warisan umat. Namun, tema hadith *makkī* dan *madani* secara khususnya belum pernah dibincangkan dalam ilmu Hadith. Kajian ini bertujuan meninjau kefungasian kriteria tematik surah *madaniyah* secara khusus dalam pengkategorian hadith *madani*. Penulis telah mengguna pakai kajian kepustakaan dan analisis dokumen bagi menjawab persoalan di atas. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara hadith *madani* dan kriteria surah *madaniyah*.

* Correspondence concerning this article should be addressed to Helimy Aris, Universiti Sains Islam Malaysia at helimy@usim.edu.my

Diharapkan kajian ini dapat memberi dampak yang positif dalam penyelidikan al-Quran dan Hadith.

Kata kunci: *Maqāshid al-Quran*, *al-makkī* dan *al-madanī*, kriteria surah al-Quran, hadith *madanī*, pemahaman secara kontekstual.

Abstract

The classification of Qur'anic sūrahs into *Makkīyah* and *Madanīyah* represents a foundational discourse in *‘Ulūm al-Qur’ān*, particularly in relation to structure, style, thematic orientation, and the tracing of Qur'anic *maqāshid*. While these thematic criteria have long been employed to determine the identity of disputed sūrahs, their possible application to the classification of Prophetic traditions remains underexplored in Hadith studies. This study aims to examine the functionality of the thematic criteria of *Madanī* sūrahs as an analytical framework for identifying and classifying *Madanī* hadith, thereby extending the discussion of *Makkī* and *Madanī* beyond Qur'anic studies into the domain of Sunnah scholarship. Methodologically, the study adopts a qualitative design based on library research, document analysis, thematic content analysis, comparative analysis, and semantic inquiry. Classical and contemporary works in Qur'anic sciences, tafsīr, Hadith classification, *Asbāb wurūd al-Ḥadīth*, and related chronological studies are analysed to identify points of convergence between *Madanī* Qur'anic themes and Prophetic traditions situated within the *Madinan* phase. The findings indicate a significant relationship between the thematic criteria of *Madanī* sūrahs and *Madanī* hadith, particularly in themes such as communal consolidation through faith, exposure of hypocrisy, engagement with Jewish communities, legal legislation, family law, transactions, governance, jihad, and judicial regulation. The study argues that these criteria may serve as useful *qarā'in* for tracing the historical and thematic context of selected hadiths. It further demonstrates that classifying hadith according to *Makkī* and *Madanī* phases can enhance contextual understanding, support the study of *Sabab wurūd al-Ḥadīth*, and contribute to discussions on *al-Nāsikh wa al-Mansūkh* and the gradual development of Islamic legislation.

Keywords: *Maqāshid al-Quran*, *al-Makki* and *al-Madani*, Quranic surah criteria, *Madani* Hadith, contextual understanding.

Pengenalan

Kemahiran berasaskan rentas bidang telah lama menjadi budaya dalam kalangan sarjana Islam sejak zaman berzaman. Struktur ilmu-ilmu Islam yang saling berkait antara satu sama lain antara faktor mengapa wujud ramai

tokoh yang mahir dalam pelbagai disiplin ilmu dalam sejarah kesarjanaan Islam atau juga disebut *mausū'ī* (iaitu seseorang yang menguasai lebih daripada disiplin ilmu). Seolah-olah menjadi satu kelaziman apabila kebanyakan disiplin ilmu dalam Islam sering dimulai dengan perbincangan sepuluh prinsip ilmu yang salah satu daripadanya ialah nisbah atau *niche* sesuatu ilmu dalam kerangka umum ilmu-ilmu Islam¹. Ia secara jelas menggambarkan teori keterangkuman antara ilmu-ilmu Islam. Dalam hal ini, ilmu al-Quran dan ilmu Hadith juga tidak terkecuali. Misalnya, ilmu al-Quran dianggap sebagai asas bagi ilmu Tafsir, ilmu Hadith, ilmu Usul al-Fiqh dan ilmu bahasa Arab. Dalam masa yang sama ia juga adalah sebahagian daripada ilmu-ilmu tersebut. Hubungan ini disebut sebagai *tadākhul* dan *taqātu*².

Kajian ini berusaha menyingkap hubung kait antara ilmu al-Quran dan ilmu Hadith melalui subtopik *al-makkī* dan *al-madanī*. Subtopik tersebut lebih sinonim dengan perbincangan ilmu al-Quran. Malahan tidak keterlaluan jika dikatakan tiada perbincangan secara khusus dalam mana-mana sumber ilmu hadith mengenai *al-makkī* dan *al-madanī*. Namun, mutakhir ini timbul keperluan pengklasifikasian hadith Nabi kepada *al-makkī* dan *al-madanī* sebagai refleks terhadap perkembangan penyelidikan semasa.

2. Kajian Literatur

2.1. Kaitan al-makkī dan al-madanī dengan maqāṣid al-Quran

Tinjauan terhadap perbincangan para sarjana silam dan semasa mengenai pengklasifikasian surah-surah al-Quran kepada *al-makkīyah* dan *al-madanīyah*, ia amat signifikan dengan topik *maqāṣid al-Qur'ān* (objekti umum atau prinsip umum al-Quran). Menurut Muḥammad Bakr Ismā'īl, objektif utama surah *makkīyah* adalah untuk mengukuhkan akidah manusia selaras dengan yang diajar oleh para nabi dan rasul, membenters budaya *jahiliyah* yang meruntuhkan nilai kemanusiaan, menyeru kepada nilai-nilai murni sejagat. Sementara objektif utama surah *madanīyah* adalah menjelaskan hukum dan peraturan kehidupan sama ada yang bersangkutan paut dengan kepercayaan, ucapan atau tingkah-laku.³ Hal tersebut boleh dilihat melalui pencerapan kriteria tematik surah-surah al-Quran dan kaitannya dengan dua garis masa utama yang dilalui oleh Rasulullah dan para sahabat iaitu fasa Makkah dan fasa Madinah.

Penjelasan mengenai klasifikasi surah sama ada *makkīyah* atau *madanīyah* sudah menjadi lumrah kebanyakan ahli tafsir. Maklumat mengenainya juga turut dimuatkan dalam kebanyakan mushaf al-Quran

¹ Al-Ṣabbān Muḥammad Ibn 'Alī, *Ḥāshiyat Al-Ṣabbān 'alā Sharḥ Al-Ṣaghīr Li Al-Mullawī*, ed. Māhir Muḥammad Adnān (Turkey: Dār Taḥqīq al-Kitāb, 2019).

² Najlā' Salīm Al-Ṣā'idī, "Al-Mabādi' Al-'Asharah Li 'Ulūm Al-Qur'ān," *Majallat Kulliyat Uṣūl Al-Dīn Wa Al-Da'wah Bi Al-Manūfiyah* 43 (2024): 575–629, https://journals.ekb.eg/article_402460_58f62e6952794cb74c0068c09a3d8245.pdf.

³ Muḥammad Bakr Ismā'īl, *Dirāsāt FI 'Ulūm Al-Qur'ān*, 2nd ed. (Beirut: Dār al-Manār, 1999).

bercetak pada hari ini.⁴ Namun, pengklasifikasian seperti itu belum pernah dijadikan asas dalam penyusunan hadith nabi.

2.2. Bentuk-bentuk pengkategorian hadith

Sumber utama hadith muncul dalam beberapa bentuk. *Muwaṭṭa'āt* adalah antara sumber utama hadith yang terawal. Ia disusun berdasarkan bab fiqh dan turut memuatkan fatwa penyusun tentang sesuatu masalah. Hanya *Muwaṭṭa'* Mālik sahaja satu-satunya karya dalam kategori ini yang masih wujud.

Selepas *muwaṭṭa'* Mālik, muncul pula *al-masānīd* dan antara sarjana yang terawal menyusun hadith mengikut kaedah *al-masānīd* ialah Abū Dāwūd al-Ṭayālīsī (meninggal dunia tahun 204 H). Karya yang paling masyhur bagi kategori ini ialah *Musnad Aḥmad Ibn Ḥanbal* (meninggal dunia tahun 241 H). Hadith-hadith dalam *musnad* disusun berdasarkan sahabat yang meriwayatkannya.

Muṣannafāt juga adalah antara jenis sumber utama hadith yang muncul pada awal kurun ketiga hijrah dan antara karya dari kategori ini yang masyhur ialah *Muṣannaf Ibn Abī Shaybah* (meninggal tahun 235 H). Seperti *muwaṭṭa'āt*, hadith-hadith dalam *muṣannafāt* juga disusun berdasarkan bab fiqh tetapi ia juga turut menghimpunkan kenyataan para sahabat dan tabiin. *Muṣannafāt* adalah rujukan utama bagi mengetahui ijihad dan pandangan para sahabat tentang sesuatu hukum.

Pada kurun ketiga juga muncul *jawāmi'* dan *sunan*. Kedua-duanya sama seperti *muwaṭṭa'āt* tetapi tidak mengandungi fatwa para sahabat, tabiin dan penyusun. *Sunan* hanya menghimpunkan hadith-hadith hukum sementara *jawāmi'* mengandungi hadith-hadith sembilan tema utama dalam Islam iaitu akidah, hukum, tafsir, sirah, adab, *manāqib* (hadith kelebihan seseorang atau kumpulan tertentu), *raqā'iq* (hadith-hadith kerohanian) dan *malāḥim* (hadith peristiwa akhir zaman).

Selain itu, terdapat beberapa lagi jenis sumber utama hadith yang dihasilkan sebelum dan selepas kurun ketiga seperti *mu'jam*, *mashyakhah*, *mustakhrāj*, *mustadrak* dan *juz'*. Hadith-hadith dalam *mu'jam* disusun mengikut perawinya sama ada sahabat Nabi seperti yang dilakukan oleh al-Ṭabarānī dalam al-Mu'jam al-Kabīr atau guru-guru penyusun sendiri seperti yang dilakukan oleh al-Ṭabarānī juga dalam al-Mu'jam al-Awṣaṭ dan al-Mu'jam al-Ṣāghīr. Tokoh-tokoh yang dikumpulkan hadith mereka dalam *mu'jam* pula disusun nama mereka mengikut turutan huruf *mu'jam* atau disebut juga huruf *hijā'iyah*.

Mustakhrāj adalah sumber utama yang menghimpunkan hadith-hadith yang asalnya telah diriwayatkan oleh penyusun terdahulu. Kemudian

⁴ Dalam Mushaf cetakan Mujamma' al-Malik Fahd sebagai contoh, terdapat lampiran di bahagian akhir al-Quran mengandungi senarai kandungan nama-nama surah berserta keterangan mengenai *al-makki* dan *al-madani* bagi setiap surah.

hadith-hadith tersebut diriwayatkan semula oleh penyusun *mustakhraj* dengan sanadnya sendiri dan biasanya dengan tambahan lafaz. Contoh kategori ini ialah Mustakhraj Abī 'Awānah.

Mustadrak adalah sumber utama yang menghimpunkan hadith-hadith yang diriwayatkan oleh penyusunnya dengan sanad atau syarat penyusun-penyusun terdahulu. Contoh kategori ini ialah al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn oleh al-Ḥākim al-Naysābūrī.

Juz' ialah sumber utama yang menghimpunkan hadith-hadith tema tertentu seperti al-Zuhd oleh Ibn al-Mubāarak, Birr al-Wālidayn oleh Ibn Abī al-Dunyā.

Sebagai sumber utama, sumber sekunder hadith juga dihasilkan dalam pelbagai bentuk. Antaranya ialah *aṭrāf*, *zawā'id* dan *majāmi'*.

Aṭrāf ialah sumber sekunder yang mengandungi hadith daripada sumber-sumber tertentu seperti *al-Kutub al-Sittah*. Ia dihasilkan bagi tujuan menghimpun jalur-jalur hadith daripada pelbagai sumber. Hadith-hadith dalamnya disusun menggunakan kaedah *mu'jam* iaitu berasaskan nama sahabat yang tersusun. Contoh kategori ini ialah Tuḥfat al-Ashrāh bi Ma'rifat al-Aṭrāf. Ia dinamakan sebagai *aṭrāf* disebabkan hanya menyebut pangkal hadith sahaja yang dalam bahasa arab disebut *ṭaraf* atau *aṭrāf*.

Zawā'id ialah sumber sekunder yang menghimpunkan hadith daripada sumber tertentu yang tidak terdapat dalam sumber terdahulu atau mengandungi lafaz tambahan. Contoh kategori ini ialah Majma' al-Zawā'id oleh al-Haythamī.

Majāmi' ialah insiklopedia hadith yang menggunakan dua kaedah penyusunan. Sebahagian *majāmi'* menggunakan kaedah penyusunan berasaskan tema seperti Jāmi' al-Uṣūl oleh Ibn al-Athīr al-Jazarī. Sebahagian lagi menggunakan kaedah penyusunan berasaskan huruf awal hadith seperti al-Jāmi' al-Ṣaghīr oleh al-Suyūṭī.

Pada kurun ketiga belas hijrah, muncul indeks hadith berasaskan lafaz-lafaz ganjil (*gharīb*). Ia berperanan sebagai kamus pencari hadith dengan hanya berpandukan mana-mana lafaz daripada hadith.

Selain kategori-kategori di atas, sarjana terdahulu turut menghimpunkan hadith berdasarkan status tertentu atau ciri-ciri tertentu. Contoh karya yang menghimpunkan hadith-hadith berdasarkan status tertentu ialah Ṣaḥīḥ al-Bukhāri, al-Mawḍū'āt oleh Ibn al-Jawzī. Contoh karya hadith berdasarkan ciri-ciri tertentu sama ada pada sanad atau matan ialah al-Marāsīl oleh Abū Dāwūd, al-Maqāṣid al-Ḥasanah oleh al-Sakhāwī, Qaṭf al-Azhār al-Mutanāthirah fī al-Aḥādīth al-Mutawātirah dan al-Musalsalāt al-Jiyād, kedua-duanya oleh Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī.

Semua kategori di atas dan banyak lagi adalah sebahagian daripada istilah-istilah Hadith dikumpul, ditakrif dan dibahas oleh sarjana hadith sehingga dikenali sebagai satu cabang ilmu yang digelar Muṣṭalah al-Ḥadīth.⁵

2.3. Pengklasifikasian hadith berasaskan garis masa

Mutakhir ini, terdapat beberapa kajian yang menyarankan penyusunan hadith berdasarkan klasifikasi *al-makkī* dan *al-madanī* seperti al-Quran. Ia mampu memperkukuhkan pemahaman konteks hadith, penentuan *nāsikh* dan *mansukh* dalam sunnah, menonjolkan aspek keanjalan syariat Islam selain ia dilihat sebagai lanjutan bagi ilmu *asbab wurūd al-ḥadīth*.⁶

Walau bagaimanapun, ia belum pernah dibincangkan secara khusus oleh sarjana terdahulu dan belum ada satupun sumber primer mahupun sekunder yang menghimpunkan hadith berasaskan fasa Makkah dan Madinah. Meskipun terdapat musnad *al-makkīyīn* (penduduk Makkah) dan musnad *al-madanīyīn* (penduduk Madinah) dalam musnad Aḥmad, hadith-hadith yang dilaporkan dalam *musnad* tersebut bukanlah berasaskan fasa Makkah dan Madinah tetapi berdasarkan lokasi perawi.⁷

Penetapan hadith fasa Makkah dan Madinah tidak boleh dilakukan secara berkesan berdasarkan lokasi perawi kerana proses periwayatan mungkin boleh berlaku secara berulang-kali dan ia bukan indikator yang menunjukkan fasa sebenar sesebuah hadith.

Walau bagaimanapun, maklumat mengenai latar masa dan peristiwa hadith mungkin boleh dicerap melalui penelitian terhadap teks hadith yang lengkap dan ia biasanya boleh ditemui dalam sumber primer hadith. Selain itu, sumber yang menghimpunkan hadith sirah, *nasikh* dan *mansukh*, *asbāb wurūd al-ḥadīth*, *asbāb al-nuzūl* juga dilihat berguna bagi mengumpul maklumat mengenai latar masa hadith Nabi.

Indikator atau disebut *qarīnah* yang membezakan antara hadith *makkī* dan *madanī* kadang-kala dapat dilihat secara jelas pada matan atau difahami melalui proses istinbat daripada matan.⁸

Kajian ini berusaha menonjolkan kesan kriteria tematik surah *madanīyah* dalam pengklasifikasian hadith *madanī*.

3. Metodologi

⁵ Lihat definasi bagi semua istilah di atas dalam: Nūr al-Dīn 'Itr, *Manhaj Al-Nqd FT 'Ulūm Al-Ḥadīth*, 3rd ed. (Syria: Dār al-Fikr, 1981). 197-210

⁶ Reno Novriadi and Indal Abror, "Makkiyyah Dan Madaniyyah Pada Hadis Upaya Menemukan Konsep Makki," *Jurnal Studi Ilmu-Ilmu Al-Qur'an Dan Hadis* 16, no. 1 (2015): 17-34, <https://doi.org/10.14421/qh.2015.1601-02>.

⁷ Shaheen Shahzadi, Abdul Ghaffar, and Muhammad Yasin Ayoub, "Chronological Categorization of Prophetic Traditions in Hadith Sciences: An Analysis of Meccan and Medinan Narratives" 6588, no. January (2024): 2206-23.

⁸ Abdoul Karim Toure, *Al-Ḥadīth Al-Makkī Wa Al-Madanī Ma'ālim Wa Ḍawābīṭ*, 1st ed. (Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2011).

Kajian ini bersifat kualitatif dan mengadaptasikan kajian kepustakaan bagi tujuan memperolehi data dan maklumat yang tepat mengenai konsep *al-makkī* dan *al-madanī* yang dibincangkan dalam ulum al-Quran. Kaedah analisis kandungan digunakan bagi meneliti kriteria tematik surah *makkīyah* dan *madanīyah* serta keselarasan antara kriteria tersebut dan surah-surah al-Quran. Analisis perbandingan tematik digunakan bagi meneliti perkaitan antara kriteria tematik surah *madanīyah* dan hadith *madanī*. Analisis semantik juga dimanfaatkan dalam menjelaskan maksud beberapa terminologi seperti *al-makkī* atau surah *makkīyah*, *al-madanī* atau surah *madanīyah*, hadith *madanī*, pendekatan *naqlī* dan *'aqlī*.

4. Dapatan & Perbincangan

Setelah meneliti data-data yang diperolehi daripada karya ahli tafsir klasik dan semasa, sumber-sumber utama dan sekunder hadith, dapatan kajian menunjukkan hal-hal berikut:

1. Penetapan kategori surah al-Quran adalah berdasarkan pendekatan *naqlī* dan *'aqlī*.
2. Pengkategorian surah al-Quran juga dilakukan berdasarkan kriteria tematik yang diperolehi melalui penelitian secara induktif.
3. Terdapat hubungan yang signifikan antara kriteria tematik surah *madanīyah* dan hadith *madanī*.

Hal-hal tersebut dikuatkan lagi berdasarkan perbincangan berikut:

4.1. Penetapan Surah *Makkīyah* dan *Madanīyah*

Dalam ilmu al-Quran terdapat satu topik yang membicarakan latar tempat atau masa sesuatu surah diturunkan iaitu *al-makkī* dan *al-madanī*. *Al-makkī* adalah nisbah kepada Makkah, sementara *al-madanī* adalah nisbah kepada Madinah. Di bawah topik tersebut, empat hal utama yang sering dibincangkan iaitu:

1. Maksud *al-makkī* dan *al-madanī*.
2. Jenis-jenis *al-makkī* dan *al-madanī*.
3. Kriteria *al-makkī* dan *al-madanī*.
4. Faedah *al-makkī* dan *al-madanī*.

Ahli tafsir berselisih pandangan dalam menentukan maksud *al-makkī* dan *al-madanī*. Pandangan pertama, *al-makkī* adalah surah yang diturunkan sebelum hijrah, sementara *al-madanī* adalah surah yang diturunkan selepas hijrah. Pandangan kedua, *al-makkī* adalah surah yang diturunkan di Makkah walaupun selepas hijrah, sementara *al-madanī* adalah surah yang diturunkan di Madinah. Pandangan ketiga, *al-makkī* adalah surah yang ditujukan kepada pendudukan Makkah, sementara *al-madanī* adalah surah yang ditujukan kepada penduduk Madinah. Antara ketiga-tiga pandangan tersebut, yang

pertama adalah yang paling masyhur dan telah dijadikan kayu ukur dalam pengkategorian surah-surah al-Qurān masa kini.⁹

Terdapat dua pendekatan yang digunakan dalam penetapan surah *makkīyah* dan *madanīyah* iaitu penetapan berdasarkan pendekatan *naqlī* dan penetapan berdasarkan pendekatan *'aqlī*¹⁰.

Penetapan berdasarkan pendekatan *naqlī* bermaksud kategori surah sama ada *makkīyah* atau *madanīyah* ditentukan berdasarkan kenyataan sahabat dan generasi selepas mereka. Para *mufasssīrūn* (ahli tafsir) banyak menukil kenyataan daripada para sahabat dan *tābī'īn* dalam menentukan kategori sesebuah surah. Ia sama ada dinyatakan berserta sanad atau tanpa sanad. Pendekatan ini juga dinamakan sebagai pendekatan *samā'ī* (berasaskan pendengaran). Sebagai contoh, al-Bukhārī melaporkan dalam al-*Ṣaḥīḥ*, kitab *Faḍā'il al-Qur'ān* daripada 'Aishah seperti berikut:

لَقَدْ نَزَلَ بِمَكَّةَ عَلَى مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَإِنِّي لَجَارِيَةٌ أَلْعَبُ: {بَلِ السَّاعَةَ مَوْعِدُهُمْ وَالسَّاعَةَ أَذْهَى
وَأَمْرٌ}. وَمَا نَزَلَتْ سُورَةُ الْبَقَرَةِ وَالنِّسَاءِ إِلَّا وَأَنَا عِنْدَهُ

“Sesungguhnya telah turun ke atas Nabi Muḥammad sewaktu Baginda masih lagi di Makkah: **“bahkan hari kiamat ialah hari yang dijanjikan kepada mereka (untuk menerima balasan yang sepenuh-penuhnya) dan (azab seksa) hari kiamat itu amat dahsyat dan amat pahit”** [al-Qamar: 46]. Sewaktu itu, aku masih lagi seorang kanak-kanak yang suka bermain. Sementara Surah al-Baqarah dan al-Nisā' hanya diturunkan setelah aku bersama dengan Baginda (iaitu di Madinah).” [Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, nombor hadith: 4707]

Adakalanya, riwayat daripada para sahabat dan *tābī'īn* mengenai penetapan kategori surah berselisih antara satu sama lain. Kebiasaannya, ahli tafsir akan melakukan pentarjihan terhadap riwayat yang berselisih tersebut dalam menentukan sama ada sesebuah surah atau ayat itu adalah *makkīyah* atau *madanīyah*.

Sementara penetapan berdasarkan pendekatan *'aqlī* adalah kategori sesebuah surah itu ditentukan berdasarkan kepada ijthad dan penelitian terhadap hadith *marfū'* dan hadith *mawqūf* yang berkaitan dengan surah-surah tertentu selain penelitian terhadap kriteria atau ciri-ciri yang mendominasi kategori tersebut. Sebagai contoh, al-Bukhārī¹¹ telah melaporkan dalam kitab al-Tafsīr daripada Abū Sa'īd al-Mu'allā RA seperti berikut:

⁹ Badr al-Dīn Al-Zarkashī, *Al-Burhān Fī 'Ulūm Al-Qur'ān*, 1st ed. (Cairo: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabīyah, 1957); Jalāl al- Al-Suyūṭī, *Al-Itqān Fī 'Ulūm Al-Qur'ān* (Cairo: Al-Hay'at al-Miṣrīyah al-'Āmmah li al-Kitāb, 1974); Muḥammad 'Abd al-'Azīm Al-Zurqānī, *Manāhil Al-'Irfān Fī 'Ulūm Al-Qur'ān*, 1st ed. (Beirūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1995).

¹⁰ Muḥammad Abū Shahbah, *Al-Madkhal Li Dirāsāt Al-Qur'ān Al-Karīm*, 2nd ed. (Cairo: Maktabat al-Sunnah, 2003).

¹¹ Muḥammad Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī* (Damsyik: Dār Ibn Kathīr, 1993).

كُنْتُ أَصَلِّي فِي الْمَسْجِدِ، فَدَعَانِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمْ أَجِبْهُ، فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي كُنْتُ أَصَلِّي، فَقَالَ: (أَلَمْ يَقُلِ اللَّهُ: {اسْتَجِيبُوا لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ}). ثُمَّ قَالَ لِي: (لَأَعْلَمَنَّكَ سُورَةً هِيَ أَعْظَمُ السُّورِ فِي الْقُرْآنِ، قِيلَ أَنْ تَخْرُجَ مِنَ الْمَسْجِدِ). ثُمَّ أَخَذَ بِيَدِي، فَلَمَّا أَرَادَ أَنْ يَخْرُجَ، قُلْتُ لَهُ: أَلَمْ تَقُلْ: (لَأَعْلَمَنَّكَ سُورَةً هِيَ أَعْظَمُ سُورَةٍ فِي الْقُرْآنِ). قَالَ: (الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ): هِيَ السَّبْعُ الْمَثَانِي، وَالْقُرْآنُ الْعَظِيمُ الَّذِي أُوتِيَتْهُ

Maksudnya: “Aku pernah solat di dalam masjid. Lalu Rasulullah SAW memanggilku tetapi aku tidak menyahut. Seusai solat, aku berkata kepada Baginda: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku sedang solat tadi (semasa dipanggil oleh Rasulullah SAW)”. Lantas Baginda bersabda: “Bukankah Allāh SWT telah berfirman: “Sahutlah seruan Allāh SWT dan Rasul jika dia (iaitu Rasul) menyeru kamu kepada sesuatu yang menjadi sebab kehidupan kamu yang abadi” [maksud ayat ke-24 daripada surah al-Anfāl]. Kemudian Baginda berpesan kepadaku: “Sesungguhnya aku akan mengajarmu satu surah yang merupakan sebesar-besar surah dalam al-Quran sebelum engkau keluar dari masjid ini”. Kemudian Baginda memegang tanganku. Apabila hampir keluar dari masjid, aku bertanya kepadanya: “Bukankah engkau telah berkata, mahu mengajarku surah yang paling hebat dalam al-Quran? Baginda bersabda: “(Surah) *Al-ḥamd li Allāh Rabb al-‘Ālamīn*. Ia adalah yang digelar “*al-Sab‘ al-Mathānī*” dan “*al-Qurān al-‘Azīm*”. [Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, nombor hadith: 4204].

Menurut Ibn Ḥajar,¹² gelaran surah al-Fātiḥah sebagai *al-Sab‘ al-Mathānī* menunjukkan ia adalah surah *makkīyah*. Hal tersebut demikian kerana ungkapan “*al-Sab‘ al-Mathānī*” hanya terdapat dalam ayat ke-87 daripada surah al-Ḥijr yang telah disepakati oleh seluruh ahli tafsir sebagai surah *Makkīyah*¹³¹⁴. Secara logiknya, ia menjelaskan hal-hal yang telah berlaku semasa fasa ia diturunkan iaitu Makkah. Ulasan Ibn Ḥajar adalah contoh *istinbāṭ* atau pendekatan ‘*aqlī* dalam menentukan kategori surah.

4.2. Pengklasifikasian Berdasarkan Kriteria Tematik.

Pendekatan *aqlī* juga dinamakan sebagai pendekatan *qiyāsī* iaitu pengkategorian surah berdasarkan kriteria tematik. Jika kriteria surah *makkīyah* mendominasi sesebuah surah, ia dikategorikan sebagai surah *makkīyah*. Begitu juga ia boleh dikategorikan sebagai surah *madanīyah* jika didominasi oleh kriteria surah *madanīyah*. Kriteria-kriteria tersebut diperolehi melalui penelitian secara menyeluruh (induktif) terhadap

¹² Aḥmad bin ‘Alī Ibn Ḥajar, *Faṭḥ Al-Bārī* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1970).

¹³ Muḥammad Ṭāhir Ibn ‘Āshūr, *Al-Taḥrīr Wa Al-Tanwīr* (Tunisia: al-Dār al-Tūnisīyah, 1984).

¹⁴ Muḥammad Sayyid Ṭanṭāwī, *Al-Tafsīr Al-Wasīṭ Li Al-Qur‘ān Al-Karīm*, 1st ed. (Cairo: Dār Nahḍat Miṣr, 1998).

kandungan surah-surah yang telah disepakati kategorinya melalui pendekatan *naqlī*.

Dalam merangka kriteria surah, seorang ahli tafsir juga perlu memiliki pengetahuan tentang sirah Rasul, khususnya berkaitan komposisi masyarakat yang wujud pada setiap fasa Makkah dan Madinah, perwatakan setiap golongan atau etnik yang membentuk masyarakat tersebut dan kekuatan atau pengaruh setiap golongan dalam mencorak setiap fasa dalam sirah Rasul¹⁵.

Menurut Rāghib al-Sarjānī¹⁶, fasa Makkah adalah fasa pembentukan peribadi muslim, sementara fasa Madinah pula adalah fasa pembentukan umat Islam. Kenyataan tersebut selaras dengan apa yang dinyatakan oleh ‘Abd al-Wahhāb Khallāf¹⁷, Mannā’ al-Qaṭṭān¹⁸ dan al-Khuḍarī Bik¹⁹ mengenai ciri-ciri fasa Makkah dan Madinah. Menurut mereka, fokus utama fasa Makkah adalah pemulihan dan pengukuhan akidah.

Hal tersebut selaras dengan apa yang dilaporkan oleh al-Bukhārī dalam al-Ṣaḥīḥ, kitab Faḍā’il al-Quran daripada ‘Āishah seperti berikut:

إِنَّمَا نَزَلَ أَوَّلَ مَا نَزَلَ مِنْهُ سُورَةٌ مِنَ الْمُفَصَّلِ، فِيهَا ذِكْرُ الْجَنَّةِ وَالنَّارِ، حَتَّى إِذَا ثَابَ النَّاسُ إِلَى الْإِسْلَامِ نَزَلَ الْحَلَالُ وَالْحَرَامُ، وَلَوْ نَزَلَ أَوَّلَ شَيْءٍ: لَا تَشْرَبُوا الْخَمْرَ، لَقَالُوا: لَا نَدْعُ الْخَمْرَ أَبَدًا، وَلَوْ نَزَلَ: لَا تَزْنُوا، لَقَالُوا: لَا نَدْعُ الزَّنا أَبَدًا

“Sesungguhnya yang pertama sekali diwahyukan kepada Rasulullah ialah surah daripada kategori *mufaṣṣal* (surah yang mengandungi ayat-ayat yang pendek) yang menyebut mengenai syurga dan neraka. Sehingga apabila pegangan manusia terhadap Islam telah teguh, barulah diwahyukan hukum halal dan haram. Sekiranya diwahyukan sejak awal lagi ayat yang melarang arak dan zina, nescaya mereka akan berkata: “Kami tidak akan meninggalkan arak dan zina buat selamanya.” [Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, nombor hadith: 4707]

Pendekatan yang diketengahkan dalam al-Quran selain yang dinyatakan oleh ‘Āishah ialah pembuktian akidah tauhid melalui kejadian alam. Dalam hal ini, al-Quran telah mengangkat peranan akal dalam pencarian kebenaran melalui proses pemerhatian terhadap kejadian alam. Dalam masa yang sama, surah-surah fasa Makkah menyeru kepada penyucian jiwa daripada budaya yang mencemarkan fitrah seperti penyembahan berhala, perzinaan, pembunuhan bayi perempuan, penindasan terhadap golongan lemah seperti anak yatim,

¹⁵ Muḥammad Abdullāh Dirāz, *Madkhal Ilā Al-Qur’ān Al-Karīm*, ed. Al-Sayyid Muḥammad Badwī, 5th ed. (Kuweit: Dār al-Qalam, 2003).

¹⁶ Rāghib al-Sarjānī, *Al-Sīrat Al-Nabawīyah* (No city: Nuskhah Ghayr Rasmīyah, n.d.), https://archive.org/details/sera_nabawia_dr_ragheb/page/n1/mode/2up.

¹⁷ ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, *Khulāṣat Tārīkh Al-Tashrī’ Al-Islāmī* (Kuweit: Dār al-Qalam, n.d.).

¹⁸ Mannā’ al-Qaṭṭān, *Tārīkh Al-Tashrī’ Al-Islāmī*, 5th ed. (Cairo: Maktabat Wahbah, 2001).

¹⁹ Muḥammad al-Khuḍarī Bik, *Tārīkh Al-Tashrī’ Al-Islāmī* (Cairo: Maktabat al-Tijārīyat al-Kubrā, 1960).

pengurangan timbangan dalam jual beli dan lain-lain. Sementara ciri-ciri fasa Madinah pula adalah seperti berikut:

1. Pengukuhan hubungan antara umat Islam berlandaskan akidah sebagai alternatif kepada hubungan berasaskan kabilah dan etnik.
2. Pendedahan ciri-ciri golongan munafik yang menjadi ancaman kepada kesatuan umat.
3. Pendedahan sikap negatif kaum yahudi seperti mengkhianati perjanjian, menindas golongan marhain, menyembunyi dan menyekat kebenaran.
4. Pensyariatan ibadat puasa, zakat dan haji.
5. Pensyariatan hukum berkaitan transaksi antara dua pihak seperti jual beli dan hutang piutang.
6. Pensyariatan undang-undang keluarga Islam seperti nikah kahwin, cerai, pewarisan harta dan wasiat.
7. Pensyariatan undang-undang berkaitan dengan hubungan antarabangsa seperti perjanjian antara kuasa politik, jihad, harta rampasan perang dan tawanan perang.
8. Pensyariatan undang-undang jenayah seperti *hudūd*, *qisās* dan *ta'zīr* bagi memelihara *al-kullīyāt al-khams* (agama, nyawa, akal, harta dan keturunan).
9. Penetapan peraturan kehakiman dalam menyelesaikan pertikaian terhadap hak dan harta.

Perkaitan antara kriteria-kriteria tersebut dan surah-surah al-Quran dapat dilihat secara jelas. Sebagai contoh, surah al-Baqarah adalah surah yang disenaraikan dalam kategori surah *madanīyah*. Menurut Ibn 'Abbās RA, ia adalah surah yang pertama diturunkan di Madinah. Ia juga adalah pandangan Ḥasan al-Baṣrī, Mujāhid Ibn Jabr, 'Ikrimah Mawlā Ibn 'Abbās, jābir Ibn Zayd, Qatādah Ibn Da'āmah dan Muqātil²⁰. Menurut al-Ṭanṭāwī²¹, semua pandangan sarjana sepakat menunjukkan ia adalah surah *madanīyah*. Ayat-ayat di awal surah al-Baqarah telah menyentuh mengenai tiga golongan manusia iaitu mukmin, kafir dan munafiq. Surah al-Baqarah juga menyentuh mengenai sikap kaum yahudi, hukum-hakam berkaitan puasa, haji, nikah kahwin, perceraian, hutang piutang, riba dan *qisās* (undang-undang jenayah yang berkaitan bunuh dan pencederaan)²². Walaupun terdapat beberapa kriteria fasa Makkah dalam surah al-Baqarah, tetapi kriteria fasa Madinah adalah lebih dominan.

²⁰ Abū al-Faraj Ibn al-Jawzī, *Zād Al-Masīr Fī 'Ilm Al-Tafsīr*, 1st ed. (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 2001).

²¹ Muḥammad Sayyid Ṭanṭāwī, *Al-Tafsīr Al-Wasīṭ Li Al-Qur'ān Al-Karīm*.

²² Muḥammad Abdullāh Dirāz, *Al-Naba' Al-'Azīm Nazārāt Jadīdah Fī Al-Qur'ān Al-Karīm*, 6th ed. (Cairo: 'Ālam al-Adab li al-Tarjamah wa al-Nashr, 2022).

4.3. Perkaitan Antara Kriteria Tematik Surah Al-Quran dan Hadith Nabi

Walau bagaimanapun, sarjana silam dan masa kini hampir tidak pernah melakukan perkaitan antara kriteria fasa Madinah dan hadith-hadith *madanī*. Ungkapan “*hadith madanī*” itu sendiri agak ganjil dalam perbincangan ilmu hadith dan tiada dalam senarai *Muṣṭalah Ḥadīth*. Mungkin pengkategorian hadith kepada fasa Makkah dan Madinah tidak banyak mempengaruhi proses pemahaman hadith dan ia tidak seperti *sabab wurūd al-ḥadīth*, *mukhtalif al-ḥadīth*, *al-nāsikh wa al-mansūkh*, *gharīb al-ḥadīth* dan lain-lain lagi ilmu Hadith yang signifikan dengan pemahaman teks hadith. Para sarjana hadith juga lebih cenderung menyusun hadith berasaskan tema, perawi dan *maṭla‘ al-ḥadīth* (lafaz awal hadith) berbanding latar masa dan tempat. Namun pada hemat penulis, ada baiknya dilakukan perkaitan antara kriteria fasa Madinah dan hadith-hadith yang selari dengannya jika terbukti ia membantu dalam pemahaman teks hadith.

Jika dicermati lagi, pengklasifikasian hadith kepada fasa Makkah dan Madinah adalah lanjutan daripada ilmu *sabab wurūd al-ḥadīth*. Ia juga membantu dalam mengenal pasti tarikh pengucapan hadith dan hal tersebut sangat diperlukan dalam pendekatan *al-naskh*. Pendekatan *al-naskh* adalah salah satu daripada tiga pendekatan yang digunapakai oleh sarjana terdahulu dalam menyelesaikan isu dua hadith atau nas yang bertentangan (*al-muta‘aridān*). Dalam masa yang sama, pengklasifikasian hadith kepada fasa Makkah dan Madinah berupaya menonjolkan keanjalan syariat Islam melalui pensyariatian secara berperingkat.

4.3.1. Perkaitan Yang Signifikan Antara Kriteria Surah *Madanīyah* Dan Hadith *Madanī*

Secara logiknya, topik-topik yang disentuh dalam hadith Nabi SAW pasti selari dengan apa yang disentuh dalam al-Quran. Hal tersebut demikian kerana hadith adalah huraian kepada al-Quran. Oleh itu, kriteria fasa Madinah boleh dianggap sebagai tema utama hadith-hadith yang menjelaskan surah-surah *madanīyah*. Justeru, ia juga boleh disebut sebagai hadith *madanī* jika memperihalkan surah-surah *madanīyah* atau hadith *makkī* jika memperihalkan surah-surah *makkīyah*. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa tema surah *makkīyah* yang tidak terhad kepada hadith *makkī* sahaja.

Sebagai contoh, penerapan nilai-nilai murni, penekanan kepada prinsip umum syariat, pengisahan umat terdahulu kekal relevan sebagai tema umum hadith sama ada yang diucapkan di Makkah atau di Madinah. Pembuktian kewujudan Allah melalui kejadian alam hanya terdapat dalam al-Quran dan merupakan ciri khas surah *makkīyah*. Ia adalah interaksi antara al-Quran dan akal manusia dan tidak melibatkan aspek amali. Justeru, tiada

penjelasan lanjut mengenainya dalam hadith sama ada yang diucapkan pada fasa Makkah atau Madinah. Oleh itu, kriteria tematik surah *makkīyah* dilihat tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengklasifikasian hadith-hadith fasa Makkah.

Dalam masa yang sama, kriteria surah *madanīyah* didapati amat berguna dalam mencerap dan menjejaki hadith-hadith *madanī*. Berikut adalah contoh perkaitan antara kriteria tematik surah *madanīyah* dan hadith *madanī*:

1. Akidah sebagai alternatif dalam penyatuan umat

Dalam surah al-Hujurāt, salah satu daripada surah *madanīyah*, Allah SWT berfirman:

وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ فَاصْلِحُوا بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَعَثَ إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَى فَقُتِلُوا الَّتِي تَبْغِي
حَتَّى تَفِيءَ إِلَى أَمْرِ اللَّهِ فَإِنَّ فَاءَتْ فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ٩ إِنَّمَا
الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ١٠

Maksudnya:

“Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya; jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga dia kembali mematuhi perintah Allah; jika dia kembali patuh maka damaikanlah di antara keduanya dengan adil (menurut hukum Allah), serta berlaku adillah kamu (dalam segala perkara); sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat”.

[Al Hujurat,9-10]

Ayat-ayat di atas secara jelas telah menyentuh kriteria pertama fasa Madinah iaitu pengukuhan hubungan antara umat berlandaskan akidah. Dalam hal ini, al-Bukhārī²³ telah melaporkan dalam kitab *al-Ṣulḥ* (pendamaian) daripada Anas RA katanya:

قِيلَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَوْ أَتَيْتَ عَيْدَ اللَّهِ بْنِ أَبِي، فَأَنْطَلَقَ إِلَيْهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَكِبَ
جَمَارًا، فَأَنْطَلَقَ الْمُسْلِمُونَ يَمْشُونَ مَعَهُ، وَهِيَ أَرْضٌ سَبِيحَةٌ، فَلَمَّا أَتَاهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
إِلَيْكَ عَنِّي، وَاللَّهِ لَقَدْ آذَانِي نَنْتَنُ جَمَارِكَ، فَقَالَ رَجُلٌ مِنَ الْأَنْصَارِ مِنْهُمْ: وَاللَّهِ لِحِمَارِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَطْيَبُ رِيحًا مِنْكَ، فَغَضِبَ لِعَيْدِ اللَّهِ رَجُلٌ مِنْ قَوْمِهِ، فَسْتَمْتَهُ، فَغَضِبَ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا
أَصْحَابُهُ، فَكَانَ بَيْنَهُمَا ضَرْبٌ بِالْجَرِيدِ وَالْأَيْدِي وَاللِّعَالِ، فَبَلَّغْنَا أَنَّهَا أَنْزَلَتْ: {وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ
فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا}

²³ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*.

Maksudnya: “Seseorang mencadangkan kepada Nabi SAW: “Andai Engkau datang kepada ‘Abdullāh Ibn Ubay”. Maka Nabi pun bergerak ke tempatnya (iaitu ‘Abdullāh Ibn Ubay) dengan menunggang keldai. Kaum muslimin juga berjalan bersama baginda. Kebetulan, tanah yang dilalui oleh mereka amat gersang tanpa sebarang tumbuhan. Tatkala sampai ke tempat ‘Abdullāh Ibn Ubay, beliau berkata: “Jangan datang ke mari. Sesungguhnya bau busuk keldaimu telah menggangguku”. Ketika itu, seorang lelaki dari kaum Anṣār terus berkata: “Demi Allāh, bau keldai Rasulullāh lebih harum daripada baumu”. Ketika itu juga, seorang lelaki daripada kaum ‘Abdullāh Ibn Ubay turut marah bagi pihak beliau, lalu mengutuk lelaki Anṣār tersebut. Maka rakan-rakan dari kedua-belah pihak saling mempertahankan wakil masing-masing. Lalu berlakulah kejadian pukul memukul antara kedua-belah pihak dengan menggunakan pelepah pohon kurma, tangan dan selipar. Ketika itu – seperti yang dimaklumkan kepada kami – turun ayat “ **Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya...**” [al-Ḥujurāt: 9]”.

Sebahagian sarjana mempertikaikan tentang kaitan kisah di atas dengan ayat ke-9 surah al-Ḥujurāt disebabkan hal-hal berikut:

1. Jika pertelingkahan antara kumpulan yang bersama Rasulullāh dan yang bersama ‘Abdullāh Ibn Ubay adalah kisah yang sama seperti yang dilaporkan oleh Usāmah Ibn Zayd, ia telah berlaku sebelum perang Badar. Sementara surah al-Ḥujurāt turun selepas pembukaan kota Makkah.
2. Ketika kejadian berlaku, ‘Abdullāh Ibn Ubay dan pengikutnya belum lagi memeluk agama Islam tetapi ayat tersebut menyebut pertelingkahan antara dua golongan yang beriman.²⁴

Menurut Ibn Ḥajar, mungkin ayat ke-9 daripada surah al-Ḥujurāt telah diwahyukan terlebih dahulu sebelum ayat-ayat yang lain daripada surah tersebut. Jika hal tersebut benar, tiada kejanggalan jika ia diturunkan disebabkan peristiwa di atas. Ayat ke-9 daripada surah al-Ḥujurāt menyebut tentang pertelingkahan antara dua puak orang yang beriman adalah disebabkan majoriti yang hadir ketika kejadian tersebut adalah kaum muslimin. Ia tidak menafikan kemungkinan terdapat non muslim dalam pertelingkahan tersebut tetapi dalam kuantiti yang sedikit.²⁵

Walau bagaimanapun, hadith di atas mengandungi indikator-indikator yang sinonim dengan fasa Madinah seperti nama-nama watak yang terlibat dan tema yang melatari hadith tersebut iaitu akidah adalah asas penyatuan kaum.

²⁴ Alī Ibn Khalaf Ibn Baṭṭāl, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*, 2nd ed. (K.S.A: Maktabat al-Rushd, 2003).

²⁵ Ibn Ḥajar, *Fath Al-Bārī*.

2. Pendedahan ciri-ciri golongan munafik yang menjadi ancaman kepada kesatuan umat

Dalam surah-surah *madanīyah* banyak didedahkan keburukan golongan munafiq dan usaha mereka untuk memecah belahkan kesatuan umat Islam. Malah terdapat satu surah yang dinamakan dengan golongan ini iaitu surah al-Munāfiqūn. Ahli tafsir sepakat mengatakan surah al-Munāfiqūn adalah surah *madanīyah*. Ia diturunkan berikutan daripada perang Banī Muṣṭaliq atau disebut juga perang al-Muraysī'.²⁶ Terdapat beberapa hadith yang menjelaskan *sabab al-nuzūl* (sebab penurunan) surah tersebut. Antaranya adalah yang dilaporkan oleh al-Bukhārī dalam kitab al-Tafsīr daripada Zayd Ibn Arqam:

كُنْتُ فِي غَزَاةٍ، فَسَمِعْتُ عِنْدَ اللَّهِ بْنِ أَبِي بَقْرٍ: لَا تُنْفِقُوا عَلَيَّ مِنْ عِنْدِ رَسُولِ اللَّهِ حَتَّى يَبْفَضُوا مِنْ حَوْلِي، وَلَئِنْ رَجَعْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ لَيُخْرِجَنَّ الْأَعَزُّ مِنْهَا الْأَذَلَّ. فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِعَمِّي أَوْ لِعَمْرٍ، فَذَكَرَهُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَذَعَانِي فَحَدَّثْتُهُ، فَأَرْسَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَيَّ عِنْدَ اللَّهِ بْنِ أَبِي وَأَصْحَابِيهِ، فَحَلَفُوا مَا قَالُوا، فَكَذَّبَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَصَدَّقَهُ، فَأَصَابَنِي هَمٌّ لَمْ يُصِيبَنِي مِثْلَهُ قَطُّ، فَجَلَسْتُ فِي الْبَيْتِ، فَقَالَ لِي عَمِّي: مَا أَرَدْتَ إِلَيَّ أَنْ كَذَّبَكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَقَاتِكَ؟ فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى: {إِذَا جَاءَكَ الْمُنَافِقُونَ}. فَبَعَثَ إِلَيَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَرَأَ فَقَالَ: (إِنَّ اللَّهَ قَدْ صَدَّقَكَ يَا زَيْدٌ)

Maksudnya: “Aku pernah menyertai satu peperangan, lalu aku mendengar ‘Abdullāh Ibn Ubay berkata: “Jangan memberi sumbangan kepada orang-orang yang bersama Rasulullah sehingga mereka meninggalkannya. Seandainya kami kembali ke Madinah, nescaya pihak yang mulia akan menghalau pihak yang hina”. Lantas aku menceritakan hal tersebut kepada bapa saudaraku atau ‘Umar. Beliau pula menyampaikannya kepada Nabi. Lalu baginda memanggilku, maka aku menceritakan kepadanya akan hal tersebut. Berikutan itu, Rasulullah memanggil ‘Abdullāh Ibn Ubay dan rakan-rakannya. (mendengar sahaja cerita tersebut) Mereka terus bersumpah menafikan apa yang telah mereka katakan. Lalu dengan sebab itu, Rasulullah tidak menerima aduanku dan menerima penafian beliau (‘Abdullāh Ibn Ubay). Dengan sebab itu, aku dirundung kesedihan yang belum pernah kualami sebelumnya. Aku pun berkurung buat sementara waktu di dalam rumah sahaja. Ketika itu, bapa saudaraku berkata kepadaku: “Apakah tujuanmu mengadukan hal tersebut sehingga engkau didusta dan dimarahi oleh Rasulullah? Lalu Allah mewahyukan kepada Rasulullah: “**Jika engkau didatangi oleh golongan munafik..{surah al-Munāfiqūn}**”. Lalu Rasulullah memanggilku dan membacakan surah tersebut. Baginda bersabda: “Sesungguhnya Allah telah membenarkanmu wahai Zaid”.

²⁶ Abū al-Faraj Ibn al-Jawzī, *Zād Al-Masīr Fī ‘Ilm Al-Tafsīr*.

Kisah di atas jelas menunjukkan ia adalah sebab turun surah al-Munāfiqūn. Terdapat empat indikator *lafzī* (bersifat lafaz kalimat) yang menunjukkan fasa Madinah iaitu penglibatan Zaid Ibn Arqam, seorang sahabat dari salah satu suku yang mendiami Madinah iaitu Kahzraj sebagai saksi kejadian, ungkapan “peperangan”, “‘Abdullāh Ibn Ubay” dan “Madinah”. selain itu, kandungan hadith di atas dilihat selari dengan salah satu kriteria fasa Madinah iaitu mendedahkan ciri-ciri golongan munafik.

3. Pendedahan sikap negatif kaum yahudi

Kaum yahudi adalah antara komuniti yang mencorak lanskap sosial dan politik kota Madinah. Penelitian terhadap sirah Rasul menunjukkan kebanyakan reaksi kaum yahudi terhadap Rasulullah dan Islam adalah bersifat negatif seperti mengkhianati perjanjian dan mempersendakan Rasul dan Islam. Justeru, sikap negatif mereka dikira sebagai salah satu kriteria fasa Madinah. Dalam surah *madanīyah* sering dipaparkan sikap-sikap negatif tersebut seperti yang terdapat dalam surah al-Baqarah. Ia diselangi dengan ayat-ayat yang menjelaskan nikmat-nikmat yang pernah dikurniakan kepada mereka dan reaksi mereka terhadap para nabi khususnya Nabi Musa.

Jika diteliti hadith yang menyentuh tema yahudi atau bani Isrā’īl, ia boleh diperincikan melalui dua aspek iaitu latar masa dan subtema. Dari aspek latar masa, hadith yahudi atau bani Isrā’īl merangkumi zaman sebelum Islam, semasa hayat Nabi Muhammad dan pada akhir zaman selepas kewafatan Nabi Muhammad. Dari aspek subtema, ia menjelaskan perbandingan antara syariat yahudi dan Islam, kisah kaum yahudi bersama nabi-nabi terdahulu, reaksi mereka terhadap Nabi Muhammad dan para sahabat dan pertembungan antara mereka dan kaum muslimin pada akhir zaman.

Contoh hadith yang menjelaskan syariat yahudi jika dibandingkan dengan Islam ialah yang dilaporkan oleh al-Bukhārī dalam kitab al-Ijārah daripada ‘Abdullāh Ibn ‘Umar, daripada Nabi:

((مَتَلَكُمُ وَمَثَلُ أَهْلِ الْكِتَابِينَ، كَمَثَلِ رَجُلٍ اسْتَأْجَرَ أَجْرَاءَ، فَقَالَ: مَنْ يَعْمَلُ لِي مِنْ غُدْوَةٍ إِلَى نِصْفِ النَّهَارِ عَلَى فَيْرَاطٍ؟ فَعَمِلَتِ الْيَهُودُ، ثُمَّ قَالَ: مَنْ يَعْمَلُ لِي مِنْ نِصْفِ النَّهَارِ إِلَى صَلَاةِ الْعَصْرِ عَلَى فَيْرَاطٍ؟ فَعَمِلَتِ النَّصَارَى، ثُمَّ قَالَ: مَنْ يَعْمَلُ لِي مِنَ الْعَصْرِ إِلَى أَنْ تَغِيبَ الشَّمْسُ عَلَى فَيْرَاطِينَ؟ فَأَنْتُمْ هُمْ، فَغَضِبَتِ الْيَهُودُ وَالنَّصَارَى، فَقَالُوا: مَا لَنَا، أَكْثَرَ عَمَلًا وَأَقَلَّ عَطَاءً؟ قَالَ: هَلْ نَقَصْتُمْ مِنْ حَقِّكُمْ؟ قَالُوا: لَا، قَالَ: فَذَلِكَ فَضَّلِي أَوْتِيهِ مِنْ أَشَاءَ))

Maksudnya: “Perumpamaan kamu (iaitu umat Nabi Muhammad) dan ahli kitab (yahudi dan nasrani) adalah seperti seorang lelaki yang menggajikan beberapa orang, dia berkata kepada mereka: “Siapa dalam kalangan kamu yang akan bekerja untukku dari pagi hingga tengah hari dengan upah sebanyak satu *qīrāf*? Lalu kaum yahudi bekerja dalam tempoh tersebut. Kemudian dia berkata lagi: “Siapa dalam kalangan kamu yang akan bekerja

untukku dari tengah hari hingga watu solat asar dengan upah sebanyak satu *qīrāʾ*? Lalu kaum *nasrani* bekerja dalam tempoh tersebut. Kemudian dia berkata lagi: “Siapa dalam kalangan kamu yang akan bekerja untukku dari waktu asar hingga matahari terbenam dengan upah sebanyak dua *qīrāʾ*? Kamulah (iaitu umat Nabi Muhammad) mereka itu (iaitu yang bekerja pada waktu yang singkat dengan upah yang lebih lumayan). Susulan itu, kaum *yahudi* dan *nasrani* menjadi marah. Lantas mereka berkata: “Kenapa dengan kami? Kami lebih banyak bekerja tetapi dengan upah yang paling sedikit? Lelaki tersebut berkata: “Adakah aku telah menzalimi kamu dengan mengurangkan hak kamu? Mereka menjawab: “Tidak”. Lelaki tersebut berkata lagi: “Demikianlah kelebihan milikku. Aku akan kurniakan kepada sesiapa yang aku mahu”. [Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, 2/791 nombor hadith: 2148]

Contoh reaksi kaum yahudi terhadap Rasulullah semasa hayat baginda ialah yang dilaporkan oleh al-Bukhārī dalam kitab al-Adab, daripada Aishah:

((دَخَلَ رَهْطٌ مِنَ الْيَهُودِ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالُوا: السَّأَمُ عَلَيْكُمْ، قَالَتْ عَائِشَةُ: فَفَهَمْتُهَا فَقُلْتُ: وَعَلَيْكُمْ السَّأَمُ وَاللَّعْنَةُ، قَالَتْ: فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (مَهْلًا يَا عَائِشَةُ، إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الرَّفْقَ فِي الْأَمْرِ كُلِّهِ). فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَوْلَمْ تَسْمَعْ مَا قَالُوا؟ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (قَدْ قُلْتُ: وَعَلَيْكُمْ))

Maksudnya: “Sekumpulan yahudi telah masuk menemui Rasulullah. Lalu mereka mengucapkan “Kematian ke atasmu”. Aishah berkata: “Aku cepat memahaminya, lalu aku membalas dengan ucapan “Kematian berserta laknat juga didoakan ke atas kamu”. Ketika itu Rasulullah bersabda: “Bersopan santunlah wahai Aishah. Sesungguhnya Allah amat menyukai sikap sopan dalam setiap perkara”. Aku berkata: “Wahai Rasulullah, tidakkah Engkau mendengar apa yang mereka ucapkan? Rasulullah bersabda: “Aku telah menjawab ucapan mereka dengan ucapan “Ke atas kamu juga”. [Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, 5/2242, nombor hadith: 5678]

Kriteria surah *madanīyah* dapat dilihat dengan jelas dalam dua hadith di atas selain mengandungi beberapa indikator *lafzī* iaitu ungkapan “yahudi”, “nasrani” dan “ahli kitab”. Oleh itu, adalah wajar jika hadith-hadith tersebut dikategorikan sebagai hadith *madanī*. Ia juga boleh dijadikan sebagai pelengkap gambaran karekter yahudi yang dipaparkan dalam surah-surah *madanīyah*.

4. Perincian hukum-hakam

Fasa Madinah adalah fasa pensyarian hukum sebagaimana yang difahami daripada kenyataan ‘Aishah sebelum ini. Justeru, antara kriteria utama surah *madanīyah* ialah mengandungi ayat-ayat hukum. Antara ayat yang diturunkan di Madinah ialah seperti berikut:

حُظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَىٰ وَقُومُوا لِلَّهِ قَانِتِينَ ۚ ۲۳۸

“Peliharalah segala solat (mu), dan (peliharalah) solat pertengahan. Berdirilah karena Allah (dalam solatmu) dengan khusyuk.” [al-Baqarah: 238]

Sebahagian ahli tafsir berpandangan, ayat di atas diturunkan sebagai larangan daripada bercakap dalam solat.²⁷ Dalam hal ini, Al-Bukhārī telah melaporkan dalam kitab Solat, bab berkaitan larangan daripada bercakap dalam solat daripada ‘Abd Allāh Ibn Mas‘ūd RA seperti berikut:

((كُنَّا نَسَلِّمُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَهُوَ فِي الصَّلَاةِ، فَيُرَدُّ عَلَيْنَا، فَلَمَّا رَجَعْنَا مِنْ عِنْدِ النَّجَاشِيِّ، سَلَّمْنَا عَلَيْهِ فَلَمْ يَرُدَّ عَلَيْنَا، وَقَالَ: إِنَّ فِي الصَّلَاةِ شُغْلًا))

“Kami pernah memberi salam kepada Nabi SAW ketika Baginda sedang solat lalu baginda akan menjawab salam kami. Tatkala kami kembali daripada bumi Najāshī, kami memberi salam kepada Nabi SAW tetapi Baginda tidak menjawab salam kami dan bersabda: Sesungguhnya dalam solat itu ada tugas yang menyibukkan seseorang”. [Ṣaḥīḥ al-Bukhārī 1/402, nombor hadith: 1141]

Menurut al-Shāfi‘ī seperti yang dilaporkan oleh al-Bayhaqī²⁸ dan dinukilkan oleh al-Ḥāzimī,²⁹ larangan daripada bercakap dalam solat disampaikan oleh Nabi semasa di Makkah. Hal tersebut demikian kerana Ibn Mas‘ūd menjelaskan ia berlaku semasa beliau pulang daripada Habshah atau lebih tepat lagi semasa mendapati Rasulullah mendirikan solat di perkarangan Ka‘bah.

Menurut al-Shāfi‘ī, kepulangan Ibn Mas‘ūd daripada Habshah berlaku sebelum penghijrahan Rasulullah SAW dan para sahabat RA ke Madinah. Ibn Mas‘ūd adalah antara yang berhijrah dari Makkah ke Madinah dan menyertai perang Badr pada tahun kedua Hijrah bersama Rasulullah.

Menurut al-Khaṭṭābī,³⁰ peristiwa yang dilaporkan oleh Ibn Mas‘ūd tersebut berlaku semasa beliau di Madinah dan bukan di Makkah. Hal tersebut demikian kerana Ibn Mas‘ūd menyertai golongan yang berhijrah ke Habshah sebanyak dua kali. Selepas tersebar khabar angin kononnya Quraysh telah memeluk agama Islam, Ibn Mas‘ūd pulang ke Makkah daripada Habshah buat kali pertama.

²⁷ Muḥammad Ibn Jarīr Al-Ṭabarī, *Jāmi‘ Al-Bayān ‘an Ta’wīl Āy Al-Qur’ān*, ed. Abdullah Ibn Abd al-Muḥsin Al-Turkī, 1st ed. (Cairo: Dār Hajar, 2001).

²⁸ Aḥmad Ibn Ḥusayn Al-Bayhaqī, *Ma‘rifat Al-Sunan Wa Al-Āthār*, ed. Abd al-Muṭī Qala‘jī, 1st ed. (Beirut: Dār Qutaybah, 1991).

²⁹ Abū Bakr Al-Ḥāzimī, *Al-Itibār FI Al-Nāsikh Wa Al-Mansūkh Min Al-Āthār*, 2nd ed. (Haydar Ābād: Dā‘irat al-Ma‘ārif al-‘Uthmānīyah, 1940).

³⁰ Ibn Ḥajar, *Fath Al-Bārī*.

Apabila mendapati khabar angin tersebut tidak benar, beliau kembali semula ke Habshah bersama beberapa orang sahabat. Setelah mengetahui Nabi dan para sahabat yang berada di Makkah telah berhijrah ke Madinah, Ibn Mas'ūd bersama tiga puluh dua orang lagi sahabat kembali semula ke Makkah dan berjaya berhijrah ke Madinah.

Jadi, peristiwa beliau memberi salam kepada Rasulullah SAW ketika baginda sedang solat adalah berlaku di Madinah. Pandangan ini selari dengan ijma' ahli tafsir yang mengatakan ayat larangan bercakap semasa solat (ayat 238 surah al-Baqarah) diturunkan di Madinah. Ia juga selari dengan peristiwa yang dilaporkan oleh al-Bukhārī dalam kitab Solat, bab berkaitan larangan bercakap dalam solat daripada Zayd Ibn Arqam seperti berikut:

إِنْ كُنَّا لَنَتَكَلَّمُ فِي الصَّلَاةِ، عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يُكَلِّمُ أَحَدُنَا صَاحِبَهُ بِحَاجَتِهِ، حَتَّى نَزَلَتْ: {حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ}. الْآيَةِ، فَأَمَرْنَا بِالسُّكُوتِ

“Sesungguhnya kami pernah bercakap dalam solah semasa zaman Nabi SAW. Adalah sesuatu yang biasa seseorang dari kami bercakap dengan rakannya apa yang dia hajati semasa dalam solat sehingga turun (ayat 238 daripada surah al-Baqarah)”. [Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, nombor hadith: 1142]

Hadith Zayd Ibn Arqam di atas adalah sebab nuzūl ayat 238 surah al-Baqarah yang merupakan surah *madanīyah*. Logikanya, solat secara berjemaah seperti yang dilaporkan oleh Zayd Ibn Arqam dilakukakan oleh Nabi dan para sahabat semasa di Madinah disebabkan sukar untuk melakukannya semasa mereka berada di Makkah di tengah-tengah tekanan yang kuat daripada pihak Quraysh. Zayd Ibn Arqam sendiri adalah daripada suku Khazraj dan hanya solat bersama dengan Rasulullah di Madinah.

5. Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan yang lalu, penulis menyimpulkan kriteria tematik surah al-Quran pada hakikatnya adalah hasil daripada penelitian secara induktif para sarjana Islam terhadap kandungan al-Quran dan ia secara langsung menyokong penyelidikan berasaskan maqasid al-Quran. Kriteria tersebut boleh dibahagikan kepada kriteria tematik surah *makkīyah* dan kriteria tematik surah *madanīyah*. Sebahagian daripada kriteria tematik surah *makkīyah* adalah ciri khas al-Quran yang tiada pada sebarang hadith Nabi, sementara sebahagiannya pula adalah menyentuh tema sejagat yang terdapat dalam banyak hadith Nabi tanpa mengira latar pendengar, tempat dan masa. Selain itu, kriteria tematik surah *madanīyah* pula dilihat signifikan dengan tema hadith-hadith fasa Madinah. Justeru, ia dilihat sesuai dijadikan panduan dalam penjejakan hadith *madanī*. Oleh sebab itu, kriteria tematik surah *madanīyah* berpotensi mempengaruhi proses penyusunan hadith *madanī* yang dilihat sangat berguna dalam proses pemahaman hadith

berdasarkan konteks. Penyusunan hadith *madanī* juga menyokong beberapa ilmu yang signifikan dengan matan hadith seperti *sabab wurūd al-ḥadīth*, *mukhtalaf al-ḥadīth* dan *al-nāsikh wa al-mansūkh*.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dibawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental Penyelidik Muda (FRGS-EC) dengan kod rujukan FRGS-EC/1/2024/SSI03/USIM/02/10

Bibliografi

- ‘Itr, Nūr al-Dīn. *Manhaj Al-Nqd Fī ‘Ulūm Al-Ḥadīth*. 3rd ed. Syria: Dār al-Fikr, 1981.
- Abū al-Faraj Ibn al-Jawzī. *Zād Al-Masīr Fī ‘Ilm Al-Tafsīr*. 1st ed. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 2001.
- Al-Bayhaqī, Aḥmad Ibn Ḥusayn. *Ma’rifāt Al-Sunan Wa Al-Āthār*. Edited by Abd al-Muṭī Qala’jī. 1st ed. Beirut: Dār Qutaybah, 1991.
- Al-Bukhārī, Muḥammad. *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*. Damsyik: Dār Ibn Kathīr, 1993.
- Al-Ḥāzimī, Abū Bakr. *Al-I’tibār Fī Al-Nāsikh Wa Al-Mansūkh Min Al-Āthār*. 2nd ed. Haydar Ābād: Dā’irat al-Ma’ārif al-‘Uthmānīyah, 1940.
- Al-Ṣā’idī, Najlā’ Salīm. “Al-Mabādi’ Al-‘Asharah Li ‘Ulūm Al-Qur’Ān.” *Majallat Kulliyat Uṣūl Al-Dīn Wa Al-Da’wah Bi Al-Manūfiyah* 43 (2024): 575–629. https://journals.ekb.eg/article_402460_58f62e6952794cb74c0068c09a3d8245.pdf.
- Al-Ṣabbān Muḥammad Ibn ‘Alī. *Ḥāshiyat Al-Ṣabbān ‘alā Sharḥ Al-Ṣaghīr Li Al-Mullawī*. Edited by Māhir Muḥammad Adnān. Turkey: Dār Taḥqīq al-Kitāb, 2019.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-. *Al-Itqān Fī ‘Ulūm Al-Qur’Ān*. Cairo: Al-Hay’at al-Miṣrīyah al-‘Āmmah li al-Kitāb, 1974.
- Al-Ṭabarī, Muḥammad Ibn Jarīr. *Jāmi’ Al-Bayān ‘an Ta’wīl Āy Al-Qur’Ān*. Edited by Abdullah Ibn Abd al-Muḥsin Al-Turkī. 1st ed. Cairo: Dār Hajar, 2001.
- Al-Zarkashī, Badr al-Dīn. *Al-Burhān Fī ‘Ulūm Al-Qur’Ān*. 1st ed. Cairo: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabīyah, 1957.
- Al-Zurqānī, Muḥammad ‘Abd al-‘Azīm. *Manāhil Al-‘Irfān Fī ‘Ulūm Al-Qur’Ān*. 1st ed. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1995.
- Bik, Muḥammad al-Khuḍarī. *Tārīkh Al-Tashrī’ Al-Islāmī*. Cairo: Maktabat al-Tijārīyat al-Kubrā, 1960.
- Dirāz, Muḥammad Abdullāh. *Al-Naba’ Al-‘Azīm Nazarāt Jadīdah Fī Al-Qur’Ān Al-Karīm*. 6th ed. Cairo: ‘Ālam al-Adab li al-Tarjamah wa al-Nashr, 2022.
- . *Madkhal Ilā Al-Qur’ān Al-Karīm*. Edited by Al-Sayyid Muḥammad Badwī. 5th ed. Kuwait: Dār al-Qalam, 2003.
- Ibn ‘Āshūr, Muḥammad Ṭāhir. *Al-Taḥrīr Wa Al-Tanwīr*. Tunisia: al-Dār al-

- Tūnisīyah, 1984.
- Ibn Baṭṭāl, Alī Ibn Khalaf. *Sharḥ Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*. 2nd ed. K.S.A: Maktabat al-Rushd, 2003.
- Ibn Ḥajar, Aḥmad bin ‘Alī. *Fatḥ Al-Bārī*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1970.
- Ismā‘īl, Muḥammad Bakr. *Dirāsāt FI ‘Ulūm Al-Qur’Ān*. 2nd ed. Beirut: Dār al-Manār, 1999.
- Khallāf, Abd al-Wahhāb. *Khulāṣat Tārīkh Al-Tashrī‘ Al-Islāmī*. Kuwait: Dār al-Qalam, n.d.
- Mannā‘ al-Qaṭṭān. *Tārīkh Al-Tashrī‘ Al-Islāmī*. 5th ed. Cairo: Maktabat Wahbah, 2001.
- Muḥammad Abū Shahbah. *Al-Madkhal Li Dirāsāt Al-Qur’ān Al-Karīm*. 2nd ed. Cairo: Maktabat al-Sunnah, 2003.
- Muḥammad Sayyid Ṭanṭāwī. *Al-Tafsīr Al-Wasīṭ Li Al-Qur’ān Al-Karīm*. 1st ed. Cairo: Dār Nahḍat Miṣr, 1998.
- Novriadi, Reno, and Indal Abror. “Makkiyyah Dan Madaniyyah Pada Hadis Upaya Menemukan Konsep Makki.” *Jurnal Studi Ilmu-Ilmu Al-Qur’an Dan Hadis* 16, no. 1 (2015): 17–34.
<https://doi.org/10.14421/qh.2015.1601-02>.
- Rāghib al-Sarjānī. *Al-Sīrat Al-Nabawīyah*. No city: Nuskhah Ghayr Rasmīyah, n.d.
https://archive.org/details/sera_nabawia_dr_ragheb/page/n1/mode/2up.
- Shahzadi, Shaheen, Abdul Ghaffar, and Muhammad Yasin Ayoub. “Chronological Categorization of Prophetic Traditions in Hadith Sciences : An Analysis of Meccan and Medinan Narratives” 6588, no. January (2024): 2206–23.
- Toure, Abdoul Karim. *Al-Ḥadīth Al-Makkī Wa Al-Madanī Ma‘ālim Wa Ḍawābīṭ*. 1st ed. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2011.